

10 OCT 1996

Mahathir-Rasuah

RASUAH BAWA KEHANCURAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi mengingatkan bahawa rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam Umno yang berpunca daripada perebutan jawatan parti boleh meruntuhkan bangsa, agama dan negara selain mengancurkan parti itu sendiri.

Perdana Menteri berkata antara kesan nyata daripada amalan itu ialah dasar-dasar kerajaan terutama yang berkaitan kepentingan Melayu dan Bumiputera akan diketepikan, pelabur akan lari, peluang kerja tidak bertambah bahkan merosot, ekonomi tidak dapat tumbuh dan kemiskinan akan merebak.

"Akhirnya, seluruh masyarakat Melayu dan Bumiputera lain akan runtuh, negara akan kembali kucar-kacir tanpa kestabilan, orang asing akan ketawa dan harapan bangsa Melayu dan Bumiputera lain untuk menjadi bangsa yang maju akan berkecai," kata Presiden Umno itu ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putera, di sini.

Dr Mahathir berkata, negara yang mengamal rasuah sebagai satu budaya tidak mungkin maju dan dalam konteks Malaysia pembangunan orang Melayu dan Bumiputera tidak lagi dapat diusahakan.

"Ini kerana semua urusan kerajaan tidak akan berjalan licin dan semua kos akan meningkat.

"Tidak ada sesuatu yang akan dikecualikan daripada rasuah...lesen, AP, kelulusan semuanya memerlukan sogokan. Urusan dengan swasta seperti dengan bank, turut memerlukan bayaran tertentu sebagai sogokan kepada mereka yang memberi kelulusan," katanya.

Dalam konteks pemilihan jawatan-jawatan tertinggi parti pada Perhimpunan Agung Umno kali ini, Dr Mahathir berkata pemimpin yang awal-awal lagi sudah menyogok untuk mendapatkan tempat serta tidak segan-segan menyalahgunakan kuasa dan peluang untuk diri sendiri sudah tentu sanggup pula disogok apabila mendapat tempat dan menjadi pemimpin (di dalam parti).

"Pemimpin yang telah menghulurkan wang untuk mendapat sokongan sudah tentu tidak akan teragak-agak menerima wang sogokan untuk menyokong atau meluluskan sesuatu," kata beliau.

Sambil menegaskan bahawa pemimpin perasuah akan mendirikan kerajaan perasuah, Perdana Menteri berkata pemimpin yang korup tidak akan berhenti setakat membalas budi orang yang menolong mereka.

"Lambat-laun mereka akan menjual pengaruh dan kuasa mereka untuk memperkayakan diri sendiri serta ejen-ejenya," katanya.

Ketika menghurai kesan gejala itu terhadap parti, Dr Mahathir berkata, bagi setiap orang yang dibalas budi oleh pemimpin yang rasuah itu, ada 10 atau 100 bahkan 1,000 orang lagi yang tidak mendapat apa-apa.

"Mereka (yang tidak mendapat apa-apa itu) akan kecewa dan akan menolak parti kita apabila tiba pilihan raya. Apa gunanya menjadi pemimpin parti yang kalah?" tanya beliau.

Ketika menyingkap bermulanya gejala rasuah dalam Umno, Dr Mahathir berkata, ada antara anggota Umno yang berpendapat apa gunanya kuasa jika ia tidak boleh digunakan untuk menolong kawan atau keluarga atau anggota parti dan penyokong.

"Kepada mereka ia tidak salah...ia hanya sekadar membalas budi...dahulu kita sokong, sekarang patutlah kita terima balasan yang setimpal...lagipun yang diberi bukan milik menteri tetapi milik kerajaan.

"Mereka berpendapat kuasa yang tertakluk kepada aturan-aturan bukan

kuasa...kuasa bermakna hak membuat apa sahaja yang disukai," kata Perdana Menteri.

Justeru hari ini sudah kelihatan bagaimana kos pemilihan anggota Majlis Tertinggi sudah meningkat begitu ketara sehingga hotel-hotel untuk penginapan wakil ke perhimpunan agung terpaksa dinaikkan kepada lima bintang.

"Kini bukan prestasi kerja atau kebolehan seseorang itu dijadikan asas pemilihan...yang menentukan sokongan ialah nilai rasuah yang sanggup dibayar," katanya.

Akibat daripada semua itu, pemimpin yang curang dan perasuah akan memimpin Umno dan menjadi pemimpin kerajaan dan pemimpin seumpama itu tidak ada bezanya dengan penagih dadah kerana apabila sudah ketagih, maruah diri dan maruah bangsa akan dijual kepada sesiapa sahaja.

Beliau khuatir gejala rasuah itu, jika tidak dibendung segera akan menular kepada kakitangan kerajaan, malah kepada seluruh masyarakat dan akhirnya mereka yang berkuasa dan tidak berkuasa akan turut terlibat dengan rasuah dan masing-masing akan berusaha melindungi amalan itu sesama sendiri.

"Memang sukar untuk kita gambarkan sesuatu yang belum berlaku. Tetapi percayalah apa yang saya cuba gambarkan ini boleh berlaku...sedikit-sebanyak ia sudahpun berlaku...kuasa kerajaan telahpun digunakan untuk membeli sokongan," kata beliau.

Dr Mahahtir berkata tidak ada cara yang lebih berkesan untuk menghancurkan negara daripada memilih pemimpin yang curang dan perasuah kerana pemimpinlah, sama ada raja atau presiden atau diktator, yang telah menghancurkan empayar-empayar yang gemilang dalam sejarah manusia.

Pemimpin Umno mestilah terdiri daripada orang yang berkaliber, berkualiti, bersih daripada rasuah dan kepentingan diri dan yang komited kepada perjuangan reformasi yang telah diterokai, yang sanggup mengorbankan diri kerana sayang kepada bangsa, agama dan negara, katanya.

Perdana Menteri mengingatkan, pendapat yang mengatakan tidak ada perbezaan antara satu pemimpin dengan pemimpin yang lain kerana kononnya kemajuan tetap akan tercapai walau siapapun yang menjadi pemimpin, adalah pendapat yang salah.

-- BERNAMA

AM NMO